

**MODUL
BAHASA MELAYU
SJK
TAHUN 5
UNIT 20 USAHAWAN BERJAYA**


NAMA : _____

KELAS : _____



UNIT 20 USAHAWAN BERJAYA

Rempah Ratus Puan Nema



Chan Ho : Kawan-kawan, lihatlah maklumat yang saya perolehi ini. Pada pendapat kamu, mengapakah Puan Nema memasarkan rempah ratus jenama sendiri.?

Kishan : Pada pendapat saya, beliau memasarkan rempah ratus jenama sendiri kerana keuntungan menjadi miliknya sahaja tanpa melibatkan orang tengah.

Fahim : Benar Kishan. Wajarkah beliau menjual pelbagai jenis rempah? Mengapa?

Kishan : _____

Chan Ho : Jualan rempat giling _____ . Mengapa?

Fahim : _____

Kishan : Bagaimanakah pembungkusan produk keluaran beliau ?

Chan Ho : _____

Fahim : Kawan-kawan, jika kita ingin berjaya, kita mestilah

Usahawan Muda Tukiman

Cari makna

Lidim: Salam sejahtera, Encik Muhammad Arif Tukiman.
Apa khabar, encik?

Encik Arif: Salam sejahtera. Khabar baik.

Lidim: Saya Lidim, wakil **bulletin** SJKC Taman Sejahtera. Sejak bilakah encik berjinak-jinak dalam dunia perniagaan dan terbabit dalam **bidang** multimedia?

Encik Arif: Saya mula bermula ketika berusia 10 tahun.

Ketika itu, saudara membantu ayah menjual cakoi.

Semasa di Universiti Teknologi Malaysia, saug

mengawarkan khidmat membuat laman sesar

menawarkan khidmat membuat laman sesawang, rekaan grafik dan mencetak kemeja-T. Selepas tamat pengajian pada tahun 2014, saya dan rakan menu buhkan Cool Code Sdn. Bhd.. Ketika itu, kami menumpukan aktiviti berkaitan dengan animasi, aplikasi telefon bimbit dan aplikasi laman sesawang. Kemudian, kami mula membina syarikat panel kawalan pusat yang memantau aplikasi sesawang dari 100 buah negara di seluruh dunia.

Lidim: Bolehkah encik berkongsi rahsia kejayaan?

Encik Arif: Boleh, Lidim. Kita mestilah berfikiran positif dan menerima teguran agar dapat memperbaik kekurangan produk yang kita hasilkan.

Lidim: Apakah nasihat encik kepada usahawan muda kita?

Encik Arif: Berusahalah bersungguh-sungguh untuk mencapai impian kerana usaha tangga kejayaan. Kita juga perlu tabah menghadapi segala cabaran. Setelah berjaya, kita hendaklah bersikap murah hati untuk membantu golongan yang memerlukan.

Lidim: Terima kasih, encik. Saya berharap semoga perkongsian ini memberikan manfaat kepada kami semua.



Perusahaan Pakaian Sukan Datuk Yi Ying

Menjawab soalan pemahaman

Yi Ying ke galeri jualan datuknya. Ketika itu, datuknya sedang mengadakan jualan murah. Pakaian sukan diberikan diskaun hingga 50 peratus.

Banyak pelanggan ke galeri jualan itu. Pada masa yang sama, terdapat usahawan dari luar negara yang berminat untuk berurus niaga dengan datuk Yi Ying. Mereka menempah pakaian sukan daripada datuk Yi Ying untuk dipasarkan di luar negara.

1. Mengapakah Datuk Yi Ying mengadakan jualan murah di galeri jualannya?

2. Banyak pelanggan membeli pakaian sukan di galeri jualan Datuk Yi Ying.

Jelaskan

3. Mengapakah usahawan dari luar negara membuat tawaran kepada Datuk Yi Ying untuk menyiapkan pakaian sukan?

4. Nyatakan perkara yang perlu dilakukan oleh Datuk Yi Ying untuk menyiapkan pesanan pelanggannya. Berikan alasan.

Usahawan Berjaya
 (mengubah suai lirik lagu)

Usahawan berjaya	Peniagaan berjaya
Usahawan berjaya Cekal berusaha Impian yang mulia Sematkan di jiwa Wahai teman semua Ketika berjaya Berbaktilah kepada keluarga 	Peniaga berjasa Tabah berniaga Amalan yang mulia Suburkan di minda Wahai kawan semua Apabila berjaya Berbudilah kepada keluarga
Usahawan berjaya Tidak rasa gundah Capai cita-cita Tidak leka	
Mari kita semua Saling kerjasama Majukan negara Hidup ria	
Usahawan berjaya Cekal berusaha Impian yang mulia Sematkan di jiwa	
Wahai teman semua Ketika berjaya Berbaktilah kepada keluarga	

Kopi Buana
Bina ayat perintah

Ayat aktif	Ayat Pasif
Kini, beliau memproses kopi dengan menggunakan mesin	
	Kopi dihasilkan oleh ayah dengan menggunakan biji kopi yang terbaik sahaja.
Ayah Lidim menamai kopi itu Kopi Buana	
Banya orang menggemari Kopi Buana	
	Kopi Buana dieksport oleh beliau ke Singapura dan ke Indonesia